

**08 Nov 2024**

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi FELDA  
GUGUSAN JENGKA 18**

**FELDA GUGUSAN JENGKA 18** telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan **FELDA GUGUSAN JENGKA 18**. Penilaian akan dilaksanakan ke atas **11** ladang yang diuruskan oleh **FELDA GUGUSAN JENGKA 18**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi **FELDA GUGUSAN JENGKA 18** pada 09 -12.12.2024. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder'. Salinan Standard MSPO 2530-3-2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: [central@jsm.gov.my](mailto:central@jsm.gov.my). Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
FELDA JENGKA 12 (Organised smallholder)	Pejabat Felda Jengka 12, 26400 Bandar Jengka, Pahang	1644.56	N 3° 45' 54" E 102° 29' 56"
FELDA JENGKA 13 (Organised smallholder)	Pejabat Felda Jengka 13, 26400 Bandar Jengka, Pahang	1601.92	N 3° 45' 37.9" E 102° 28' 387"
FELDA JENGKA 14 (Organised smallholder)	Pejabat Felda Jengka 14, 26400 Bandar Jengka, Pahang	1604.45	N 3° 45' 548" E 102° 31' 246"
FELDA JENGKA 15 (Organised smallholder)	Pejabat Felda Jengka 15, 26400 Bandar Jengka, Pahang	1731.103	N 3° 42' 40.9" E 102° 29' 56"
FELDA JENGKA 16 (Organised smallholder)	Pejabat Felda Jengka 16, 26400 Bandar Jengka, Pahang	1709.02	N 3° 41' 23.536" E 102° 31' 37.61"
FELDA JENGKA 17 (Organised smallholder)	Pejabat Felda Jengka 17, 26400 Bandar Jengka, Pahang	1797.66	N 3° 38' 49.877" E 102° 33' 2.001"
Felda Jengka 18 (Organised smallholders)	Ladang Jengka 18 (SEROJA), Mukim Bukit Segumpal, Chenor, 26400 Maran, Pahang	1946.75	N 3° 59' 79" E 102° 53' 42"
Felda Jengka 19 (Organised smallholders)	Felda Jengka 19 (BUKIT SEGUMPAL), Mukim Segumpal, 26400 Maran, Pahang	2417.34	N 3° 56' 95" E 102° 51' 81"
Felda Jengka 20 (Organised smallholders)	Felda Jengka 20 (TANJUNG), Mukim Chenor, 26400 Maran, Pahang	1874.04	N 3° 65' 04" E 102° 52' 01"
Felda Jengka Kg. Awah (Organised smallholders)	Felda Kampong Awah, Mukim Bukit Segumpal, 28030 Maran, Pahang	947.38	N 3° 50' 47" E 102° 52' 94"
Felda Jengka Sg. Nerek (Organised smallholders)	Felda Sungai Nerek, Mukim Bukit Segumpal, 28030 Maran, Pahang	1347.48	N 3° 50' 47" E 102° 52' 94"

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di **FELDA GUGUSAN JENGKA 18** terdiri daripada:

- i) En. Mohd Rizal bin Md Kassim sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) En. Wan Mohd Azlan Bin Wan Ngah sebagai Juruaudit ( Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) En. Mohd Johari bin Md Kassim sebagai Juruaudit ( Aspek Persekitaran dan HCV)
- iv) En. Ermadasila bin Mohamad sebagai Juruaudit ( Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 10.12.2024  
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari  
Lokasi : Ladang Jengka 18 (SEROJA), Mukim Bukit Segumpal, Chenor, 26400 Maran, Pahang

*Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.*

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pegawai Pengesahan (Certifier)**

Atika Binti Bakar  
Trans Certification & Inspection Sdn.  
Bhd.  
No. B30, Tingkat 1,  
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,  
25200 Kuantan Pahang  
Tel: +609-5751333.  
Email: [info@transcert.com.my](mailto:info@transcert.com.my)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Atika Binti Bakar

**Pegawai Pengesahan (Certifier)**

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.